



HAPUS...
bekas
pesakit
denggi,
Sasha
Bashir
bersama
duta
antidenggi,
Syed Fazli
Syed Ali.

Vaksin

Harian Metro 28/04/2010 M/S 23

denggi

Bakal diperkenal Kementerian Kesihatan

>>Oleh Aniza Zainudin
anizazainudin@hmetro.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan bakal memperkenalkan vaksin pencegahan denggi pertama di dunia dalam usaha mencegah kematian akibat penyakit itu.

Timbalan Menteri, Datuk Rosnah Abd Rashid Shirlin berkata, vaksin itu masih di peringkat percubaan klinikal dan akan diumumkan selepas diluluskan.

“Vaksin ini akan diberikan kepada seluruh masyarakat dan kebiasaannya pemberian adalah percuma, namun kami masih belum mempunyai maklumat terperinci mengenainya yang

bakal diumumkan kemudian.

“Penghasilan vaksin ini berikutan peningkatan kematian akibat denggi dalam empat bulan pertama tahun ini, iaitu 32 peratus daripada 41 kes tahun lalu kepada 54 kematian.

“Bagaimanapun, jumlah kes dilaporkan sehingga kelmarin bagi seluruh negara menunjukkan penurunan 15, 734 kes berbanding 17, 633 kes bagi tempoh sama tahun lalu,” katanya pada sidang media selepas merasmikan kempen antidenggi ‘1 Malaysia Bersama Kita Menghapuskan Denggi’, di sini, semalam.

Katanya, laporan awal tahun ini sehingga 26 April menunjukkan kawasan dengan kepadatan penduduk tinggi lebih banyak kes denggi.